

Dr M sudah boleh makan

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semakin pulih dan sudah diberi diet lembut termasuk ais krim semalam, tiga hari selepas menjalani pembedahan pintasan koronari keduanya pada usia 82 tahun.

Institut Jantung Negara (IJN) dalam kenyataan semalam, berkata bekas Perdana Menteri diberikan diet lembut pada hari ketiga pemulihannya selepas mampu menerima diet cecair kelmarin.

Dr Mahathir yang masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) turut menjalani fisioterapi dada secara intensif selain meneruskan senaman ringan tangan dan kaki.

Perkembangan kesihatan Dr Mahathir juga terus dipantau pasukan pakar bius IJN yang diketuai Datuk Mohd Hassan Mohd Ariff dan dibantu Dr Sharifah Suraya Syed Tahir, Datuk Dr Syed Abdul Aziz Syed Zain serta Dr Nor Azlina Abdul Jalil yang beransur mengurangkan perubatan sokongannya.

Anak sulung Dr Mahathir, Datin Paduka Marina, berkata kesihatan bapanya bertambah baik hingga boleh menerima makanan lembut sejak pagi semalam.

"Pagi tadi (semalam) doktor memberi ais krim kepada beliau dan mungkin makanan lembut seperti bubur untuk tengah hari.

"Kesihatannya memang ada peningkatan hari demi hari, keadaan biasa seperti orang lain yang menjalani pembedahan," katanya ketika ditemui di ruang legar IJN.